

UMNO Kedah mahu Dr. M buktikan ada politik wang

Oleh YUSRI SAHAT

ALOR STAR 13 Sept. - Badan Perhubungan UMNO Kedah mahu bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad membuktikan dakwaannya bahawa berlakunya politik wang yang menjadi punca kekalahannya pada pemilihan dalam mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu, Sabtu lalu.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, sehingga kini, beliau belum menerima sebarang laporan dan bukti mengenai gejala tersebut pada mesyuarat berkenaan.

"Kita minta beliau (Dr. Mahathir) buktikan dan buat laporan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri di pejabatnya di sini hari ini.

Dr. Mahathir baru-baru ini mendakwa berlaku politik wang dalam mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu yang menyaksikan bekas Presiden UMNO itu gagal dipilih sebagai perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO, November ini.

Bekas Ahli Parlimen Kubang Pasu itu mendapat tempat kesembilan daripada 15 calon yang bertanding pada mesyuarat perwakilan tersebut.

um - 14/9/2008
Sehingga kini, beliau belum menerima sebarang laporan dan bukti mengenai gejala tersebut pada mesyuarat berkenaan

MAHDZIR KHALID
Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah

Mahdzir seterusnya menegaskan, tuduhan berlakunya politik wang perlu disertai dengan bukti dan bukan tuduhan semata-mata.

Jika mempunyai bukti kukuh, katanya, Dr. Mahathir boleh mengemukakan aduannya kepada Lembaga Disiplin atau Majlis Tertinggi (MT) UMNO supaya siasatan lanjut dapat dilakukan.

Beliau turut menafikan bahawa Badan Perhubungan UMNO Negeri mengeluarkan arahan supaya menyokong calon tertentu bagi kerusi perwakilan UMNO bahagian.

Mengenai kehadiran pemerhati luar pada mesyuarat perwakilan itu, Mahdzir berkata, beliau tidak tahu siapa yang datang dan kepada calon mana sokongan diberikan.